

مَنْ

Al-'Aqidah Al-Tauhidiyyah

Terjemahan dan Huraian

Penterjemah dan Pengolah

Syamsul Idlan bin Abd Nasir

Prakata Khas

Maulana Mohammad Ihsan bin Abu Bakar

TERJEMAHAN DAN HURAIAN *MATAN AL-*
‘AQĪDAH AL-TAUHĪDIYYAH

KARANGAN: IMAM AHMAD BIN MUHAMMAD BIN
AHMAD AL-DARDIR AL-MALIKI AL-AZHARI
RAHIMAHULLAH

PENTERJEMAH DAN PENGOLAH:
SYAMSUL IDLAN BIN ABD NASIR

PRAKATA KHAS OLEH:
MAULANA MOHAMMAD IHSAN BIN ABU BAKAR

Judul Buku: Terjemahan Dan Huraian Matan Al-'Aqīdah Al-Tauhīdiyyah

Penulis: Syamsul Idlan bin Abd Nasir

Pruf Bahasa: Muhammad Syazwan Hakim bin Jamil

Panel Penyemak:

Maulana Mohammad Ihsan bin Abu Bakar

Mohamad Shukri bin Mukri

Pereka Kulit: Nik Muhamad Adam Hakiemi bin Mohd Adnan

eISBN 978-967-2771-53-1

©KSTCL Press 2026

Diterbitkan oleh:

KSTCL Press

Kulliyyah of Sustainable Tourism and Contemporary Languages

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

KM1, Jalan Panchor

84600 Muar, Johor

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam simpanan kekal atau dipindahkan dalam pelbagai bentuk atau kaedah elektronik, mekanik, penggambaran semula dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada KSTCL Press.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Prakata Penterjemah	4
Prakata Khas	5-6
Muqaddimah Ilmu Tauhid	7
Teks Asal Matan <i>Al- 'Aqidah Al-Tauhidiyyah</i>	8
Teks Arab Matan <i>Al- 'Aqidah Al-Tauhidiyyah</i>	9
Terjemahan dan Huraian ke atas Matan:-	
Sifat-Sifat yang Wajib bagi Allah	10-17
Sifat-Sifat yang Wajib bagi Para Nabi dan Rasul	18-19
Beberapa Perkara <i>Sam' iyyat</i> yang Wajib Diimani	19-23
Peta Minda Ringkasan Beberapa Permasalahan 'Aqidah	24-30
Senarai Rujukan	31

Prakata Penterjemah

بسم الله الرحمن الرحيم
الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على سيدنا محمد وعلى آله
وصحبه أجمعين

Bersyukur kepada Allah Ta'la atas segala nikmat dan kurniaNya, terutamanya pada memberi taufiq dan kekuatan bagi menyelesaikan terjemahan dan catatan ringkas ke atas matan yang penuh keberkatan ini.

Ilmu aqidah adalah ilmu yang wajib dipelajari oleh semua umat Islam untuk memelihara pegangan kita daripada tergelincir dalam kesesatan. Kewajipan mempelajari aqidah bagi hak orang awam adalah pada had *fardhu 'ain*, iaitu sekadar mereka boleh membezakan bahawa sesuatu maklumat yang mereka peroleh itu adalah benar ataupun salah, secara umum, menurut perspektif aqidah Islam, walaupun tidak mampu untuk menjawab atau mendatangkan hujah. Adapun bagi hak penuntut ilmu, maka ia mestilah mempelajari dalil dan hujah untuk menyelesaikan tuntutan *fardhu kifayah*. Perlu difahami, tidak ada perbezaan antara apa yang diyakini oleh orang awam dan penuntut ilmu (termasuk juga para ulama') dalam perkara-perkara akidah. Akan tetapi, perbezaan antara keduanya adalah pada sudut memahami dalil dan mendirikan hujah sahaja.

Maka, terjemahan dan olahan ringkas atas matan *Al-Aqidah Al-Tauhidiyyah* yang dikarang oleh Imam Ahmad bin Muhammad bin Ahmad Al-Dardir Al-Maliki Al-Azhari ini adalah bertujuan untuk memenuhi tuntutan *fardhu 'ain* bagi hak orang awam. Terhasilnya penulisan ini adalah kerana cadangan guru kami, Ustaz Muhammad Aiman bin Ghazali - hafizahullah- untuk mengajarkan matan yang berkat ini kepada orang ramai menggunakan terjemahan beliau, akan tetapi kerana terjemahan tersebut sudah tidak diterbitkan lagi, maka saya cuba berkhidmat kepada matan ini dengan membuat terjemahan dan menambah beberapa catatan. Didatangkan juga peta minda berkisar tentang bagaimana sifat 20 itu dihayati dalam kalimah syahadah dan sifat *ma'ani* adalah untuk dijadikan pemudah cara bagi *muraja'ah* kilat dalam kalangan penuntut ilmu dan para pengajar.

Moga-Moga Allah Ta'la menerima penulisan ini sebagai sebahagian daripada amalan soleh yang membantu untuk menggapai nikmat yang terbesar di hari akhirat kelak.

آمين

Prakata Khas

Oleh: Maulana Mohammad Ihsan bin Abu Bakar

إن الحمد لله نستعينه ونستغفره ونعوذ بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا من يهديه الله فلا مضلّ له ومن يضلله فلا هادي له. أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له وأشهد أن محمدا عبده ورسوله. اللهم صل على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وبارك وسلم، أما بعد،

Sesungguhnya Agama kita yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. ini dibina atas 3 rukun yang asas iaitu Iman, Islam dan Ihsan. Setelah kewafatan Rasulullah s.a.w., tanggungjawab menyebarkan Agama ini dipikul oleh para Ulama bermula dengan para Sahabat r.hum. diikuti oleh para Tabi'in, Tabi' At-Tabi'in dan generasi Ulama yang seterusnya hinggalah ke hari ini. Penyebaran ini dibuat dengan cara dakwah, taklim dan tarbiah supaya manusia dapat merealisasikan tujuan hidup mereka di dunia ini iaitu beriman dan beribadah hanya kepada Allah s.w.t. Sesiapa yang beriman kepada Allah s.w.t. dan RasulNya s.a.w. dan melaksanakan segala tuntutan Ibadah, maka dia akan diberikan balasan Syurga yang kenikmatannya tidak ada kesudahannya di Akhirat kelak, Sebaliknya, sesiapa yang gagal berbuat demikian, maka seksa neraka akan menantinya di Akhirat kelak.

Syariat Agama Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. telah diwariskan kepada para Ulama dan merekalah yang bertanggungjawab untuk menyampaikannya kepada seluruh manusia. Apa yang diwariskan oleh Rasulullah s.a.w. ialah Kitabullah iaitu Kalam Allah dan Sunnahnya yang merupakan sumber utama Syariat Islam. Semua Bab Keimanan dan Ibadah mestilah bersumberkan Kitab dan Sunnah. Untuk memudahkan masyarakat Islam mempelajari Syariat Islam, maka para Ulama telah menyusun Ilmu dengan menulis kitab-kitab mengikut cabang masing-masing seperti Ilmu Aqidah (Tauhid), Feqah, Tasawwuf, Tafsir, Hadith dan lain-lain.

Dalam bidang Ilmu Tauhid, atau nama lainnya, Ilmu Aqidah, Ilmu Usuluddin, Ilmu Kalam, terdapat 3 manhaj atau metodologi yang disusun atau ditulis oleh para Ulama.

Yang pertama ialah metodologi Muhaddithin iaitu dengan mengumpulkan Ayat-ayat Al-Quran dan Hadith-hadith Nabi s.a.w. yang berkaitan dengan bidang Aqidah yang terkandung dalam Rukun Iman yang enam. Contohnya ialah *Kitab Al-Iman* dan *Kitab Al-Tauhid* oleh Imam Bukhari, *Kitab Al-Iman* oleh Imam Muslim, *Kitab Al-Iman* dan *Kitab Al-Tauhid* oleh Ibnu

Mandah, *Kitab Al-Tauhid* oleh Imam Ibnu Khuzaimah, *Usul Al-I'tiqad Ahli Sunnah wa Al-Jama'ah* oleh Al-Lalikaie, *Kitab Al-Asma' wa Al-Sifat* oleh Imam Al-Baihaqi dan lain-lain.

Yang kedua ialah metodologi Fuqaha' iaitu dengan mengeluarkan makna-makna yang difahami daripada Al-Qur'an dan Al-Hadith yang berkaitan dengan Aqidah lalu menyusunnya dalam kitab mereka bersesuaian dengan Rukun Iman. Antara kitab yang masyhur dalam manhaj ini ialah *Kitab Al-Fiqhul Akbar* oleh Imam Abu Hanifah, *Kitab Al-Aqidah Al-Thohawiyah* oleh Imam Abu Ja'far At-Thohawi dan lain-lain.

Yang ketiga ialah metodologi Mutakallimin yang muncul agak terkemudian daripada dua metodologi di atas iaitu sekitar awal kurun yang keempat yang dipelopori oleh Imam Abu Al-Hasan Al-Asy'ari dan Imam Abu Mansur Al-Maturidi. Walaupun metodologi ini pada asalnya dipakai oleh Mu'tazilah yang mana sebahagian daripada Aqidah mereka menyalahi Ahli Sunnah wa Al-Jama'ah, namun kedua-dua Imam tersebut telah berjaya mematahkan hujah-hujah mereka dengan menggunakan Ilmu Kalam dan seterusnya memperjuangkan Aqidah Ahli Sunnah wa Al-Jama'ah dengan membawa pendekatan yang baharu dalam berhujah dan berdalil iaitu pendekatan Dalil Aqli. Metodologi ini juga merupakan satu metodologi yang lebih komprehensif, lebih tersusun, lebih terperinci dan mampu untuk menolak syubhat-syubhat dalam Aqidah dan akhirnya menjadi satu mazhab yang diterima oleh para Ulama Ahli Sunnah wa Al-Jama'ah di seluruh dunia hingga ke hari ini.

Kesimpulannya ialah walaupun terdapat 3 manhaj yang agak berbeza dalam menyusun Ilmu Aqidah atau Tauhid, tetapi ketiga-tiga manhaj ini mempunyai persamaan dalam Aqidah iaitu Aqidah Ahli Sunnah wa Al-Jama'ah.

Para Ulama sepanjang zaman sentiasa menulis dan mengarang Kitab-kitab yang merangkumi semua bidang Ilmu dalam Agama kita mengikut gaya bahasa yang bersesuaian dengan zaman tersebut dan juga mengikut tahapan yang sesuai bagi setiap lapisan masyarakat. Kitab yang berada di hadapan pembaca ini adalah sebuah kitab yang ditulis secara ringkas sesuai dengan peringkat asas berkaitan dengan Aqidah Ahli Sunnah wa Al-Jama'ah mengikut Manhaj Asya'irah. Mudah-mudahan Allah s.w.t. menerima usaha penulis untuk menyebarkan Ilmu Aqidah yang menepati Manhaj Ahli Sunnah wa Al-Jama'ah dan memberi keberkatan kepada sesiapa sahaja yang membaca dan mempelajari kitab ini.



Muqaddimah ilmu tauhid

1. Takrif: ilmu yang membahaskan tentang apa yang wajib, mustahil dan harus pada hak Allah dan rasul, serta tentang perkara-perkara *sam'iyat* dari sudut wajib berikhtiqad dengannya.
2. Topik perbahasan:
 - i) Dzat Allah, daripada sudut apa yang wajib, mustahil dan harus baginya.
 - ii) Dzat rasul daripada sudut apa yang wajib, mustahil dan harus baginya.
 - iii) Perkara-perkara *sam'iyat*.
3. Faedah mempelajarinya:
 - i) Mengenal Allah dengan dalil-dalil yang yakin dan pasti.
 - ii) Selamat dunia dan akhirat kerana iktiqad yang sah dan benar.
4. Kelebihan ilmu ini: ilmu yang paling mulia kerana berkaitan dengan dzat Allah dan rasulNya
5. Nisbah ilmu ini dengan ilmu-ilmu yang lain: kesemua ilmu syariat bergantung kepada ilmu ini.
6. Penyusun ilmu ini:
 - i) Imam Abu Al-Hasan Al-Asy'ari
 - ii) Imam Abu Mansur Al-Maturidiy
7. Nama ilmu ini:
 - i) Ilmu Aqidah
 - ii) Ilmu Usul Al-Din
 - iii) Ilmu Tauhid
 - iv) Ilmu Kalam
 - v) Fiqh Al-Akbar
8. Sumber ambilan ilmu ini adalah dalil-dalil yang yakin daripada:
 - i) Dalil-dalil naqli (Al-Quran dan Hadis)
 - ii) Dalil-dalil 'aqliy
9. Hukum mempelajari ilmu ini:
 - i) Fardhu 'ain ke atas setiap mukallaf
 - ii) Fardhu kifayah pada yang berkenaan dengan dalil-dalil yang terperinci
10. Perbincangan ilmu ini:
 - i) *Ilahiyyat*
 - ii) *Nubuwwat*
 - iii) *Sam'iyat*



العقيدة التوحيدية

للقطب الدردير رضى الله عنه

بِسْمِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

يَجِبُ عَلَى الْمَكْلَفِ مَعْرِفَةُ مَا يَجِبُ لِلَّهِ تَعَالَى وَلَا نَبِيَّاتِهِ وَمَلَائِكَتِهِ الْكَرَامِ؛ فَيَجِبُ لِلَّهِ تَعَالَى عَشْرُونَ صِفَةً، وَهِيَ: الْوُجُودُ، وَالْقَدَمُ، وَالْبَقَاءُ، وَالْمُخَالَفَةُ لِلْحَوَادِثِ، وَالْقِيَامُ بِالنَّفْسِ، وَالْوَحْدَانِيَّةُ، وَالْحَيَاةُ، وَالْعِلْمُ، وَالْإِرَادَةُ، وَالْقُدْرَةُ، وَالسَّمْعُ، وَالْبَصَرُ، وَالْكَلَامُ، وَكَوْنُهُ تَعَالَى: حَيًّا، وَعَلِيًّا، وَمُرِيدًا، وَقَادِرًا، وَسَمِيعًا، وَبَصِيرًا، وَمُتَكَلِّمًا. فَهَذِهِ عَشْرُونَ صِفَةً الْأُولَى نَفْسِيَّةٌ، وَالْخَمْسَةُ بَعْدَهَا سَلْبِيَّةٌ، وَالسَّبْعَةُ بَعْدَهَا صِفَاتُ مَعَانٍ، وَالَّتِي بَعْدَهَا مَعْنَوِيَّةٌ؛ فَهُوَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى: وَاجِبُ الْوُجُودِ، قَدِيمٌ بَاقٍ، مُخَالَفٌ فِي ذَاتِهِ لِجَمِيعِ الْخَلَائِقِ، فَلَيْسَ بِجِسْمٍ، وَلَا عَرَضٍ، وَلَا يَتَّصِفُ بِالْمَكَانِ، وَلَا بِالزَّمَانِ، وَلَا بِالْيَمِينِ، وَلَا بِالشِّمَالِ، وَلَا بِالْخَلْفِ، وَلَا بِالْأَمَامِ، الْقَائِمُ بِنَفْسِهِ، وَاحِدٌ فِي ذَاتِهِ وَصِفَاتِهِ وَأَفْعَالِهِ. حَيٌّ، عَلِيمٌ بِكُلِّ شَيْءٍ، مَا كَانَ، وَمَا يَكُونُ، وَمَا لَمْ يَكُنْ. مُرِيدٌ لِكُلِّ شَيْءٍ جَرَى وَبَرَزَ مِنَ الْعَوَالِمِ، وَمَا لَمْ يَكُنْ مِنْهَا. قَادِرٌ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ مِنَ الْمُمْكِنَاتِ وَعَلَى إِعْدَامِهَا، لَا يُشَارِكُهُ فِي ذَلِكَ مُشَارِكٌ. سَمِيعٌ لِكُلِّ مَوْجُودٍ، وَمُبْصِرٌ. مُتَكَلِّمٌ بِكَلَامٍ لَزَلِي مُنْزَعٌ عَنِ الصَّوْتِ وَالْحَرْفِ. وَيَجِبُ لِلْأَنْبِيَاءِ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ الْعِصْمَةُ، فَلَا يَقَعُ مِنْهُمْ مُخَالَفَةُ اللَّهِ فِي أَمْرِهِ وَنَهْيِهِ، وَكَذَلِكَ الْمَلَائِكَةُ؛ وَيَجِبُ لِلرُّسُلِ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ تَبْلِيغُ مَا أُمِرُوا بِتَبْلِيغِهِ لِلخَلْقِ مِنَ الْأَحْكَامِ وَغَيْرِهَا، كَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَا فِيهِ: مِنَ الْحِسَابِ، وَالْعِقَابِ، وَالصِّرَاطِ، وَالْمِيزَانِ، وَالْجَنَّةِ، وَالنَّارِ؛ وَبِالْعَرْشِ، وَبِالْكُرْسِيِّ، وَبِالْكِتَابِ السَّمَاوِيِّ وَالرُّسُلِ وَمَا وَقَعَ لَهُمْ مِنْ أَمْرِهِمْ، وَبِالْخُورِ الْعَيْنِ، وَالْوَلَدَانِ، وَالْأَوْلِيَاءِ، وَيَأْسِرَاتِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَبِالْمَعْرَاجِ، وَبِأَنَّ الشُّهَدَاءَ أَحْيَاءَ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ، وَبِشَفَاعَةِ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَبِعَلَامَاتِ السَّاعَةِ، وَتَجْدِيدِ التَّوْبَةِ مِنَ الذُّنُوبِ، وَالرِّضَا بِالْقَضَاءِ وَالْقَدَرِ.

Teks arab Matan Al- 'Aqīdah Al-Tauhīdiyyah

بسم الله الرحمن الرحيم

قال الشيخ العلامة الإمام أحمد بن محمد بن أحمد الدردير رحمه الله تعالى:

يَجِبُ عَلَى الْمَكْلَفِ مَعْرِفَةُ مَا يَجِبُ لِلَّهِ تَعَالَى وَلِأَنْبِيَائِهِ وَمَلَائِكَتِهِ الْكَرَامِ. فَيَجِبُ لِلَّهِ تَعَالَى عِشْرُونَ صِفَةً، وَهِيَ: الْوُجُودُ، وَالْقَدَمُ، وَالْبَقَاءُ، وَالْمُخَالَفَةُ لِلْحَوَادِثِ، وَالْقِيَامُ بِالنَّفْسِ، وَالْوَحْدَانِيَّةُ، وَالْحَيَاةُ، وَالْعِلْمُ، وَالْإِرَادَةُ، وَالْقُدْرَةُ، وَالسَّمْعُ، وَالْبَصَرُ وَالْكَلَامُ، وَكَوْنُهُ تَعَالَى: حَيًّا، وَعَلِيمًا، وَمُرِيدًا، وَقَادِرًا، وَسَمِيعًا، وَبَصِيرًا، وَمُتَكَلِّمًا. فَهَذِهِ عِشْرُونَ صِفَةً: الْأُولَى نَفْسِيَّةٌ، وَالْخَمْسَةُ بَعْدَهَا سَلْبِيَّةٌ، وَالسَّبْعَةُ بَعْدَهَا صِفَاتُ مَعَانٍ، وَالَّتِي بَعْدَهَا مَعْنَوِيَّةٌ.

فَهُوَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى: وَاجِبُ الْوُجُودِ، قَدِيمٌ بَاقٍ، مُخَالِفٌ فِي ذَاتِهِ لِجَمِيعِ الْخَلَائِقِ، فَلَيْسَ بِجِسْمٍ، وَلَا عَرَضٍ، وَلَا يَتَّصِفُ بِالْمَكَانِ، وَلَا بِالزَّمَانِ، وَلَا بِالْيَمِينِ، وَلَا بِالشِّمَالِ، وَلَا بِالْخَلْفِ، وَلَا بِالْأَمَامِ. الْقَائِمُ بِنَفْسِهِ، وَاحِدٌ فِي ذَاتِهِ وَصِفَاتِهِ وَأَفْعَالِهِ. حَيٌّ، عَلِيمٌ بِكُلِّ شَيْءٍ مَا كَانَ، وَمَا يَكُونُ، وَمَا لَمْ يَكُنْ. مُرِيدٌ لِكُلِّ شَيْءٍ جَرَى وَبَرَزَ مِنَ الْعَوَالِمِ وَمَا لَمْ يَكُنْ مِنْهَا. قَادِرٌ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ مِنَ الْمُمْكِنَاتِ وَعَلَى إِعْدَامِهَا، لَا يُشَارِكُهُ فِي ذَلِكَ مُشَارِكٌ. سَمِيعٌ لِكُلِّ مَوْجُودٍ، وَمُبْصِرٌ. مُتَكَلِّمٌ بِكَلَامٍ أَرْزَلِيٍّ مُنَزَّهٍ عَنِ الصَّوْتِ وَالْحَرْفِ.

وَيَجِبُ لِلْأَنْبِيَاءِ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ الْعِصْمَةُ، فَلَا يَقَعُ مِنْهُمْ مُخَالَفَةٌ لِلَّهِ فِي أَمْرِهِ وَنَهْيِهِ، وَكَذَلِكَ الْمَلَائِكَةُ. وَيَجِبُ لِلرُّسُلِ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ تَبْلِيغُ مَا أُمِرُوا بِتَبْلِيغِهِ لِلخَلْقِ مِنَ الْأَحْكَامِ وَغَيْرِهَا، كَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَا فِيهِ: مِنَ الْحِسَابِ، وَالْعِقَابِ، وَالصِّرَاطِ، وَالْمِيزَانِ، وَالْجَنَّةِ، وَالنَّارِ، وَبِالْعَرْشِ، وَبِالْكُرْسِيِّ، وَبِالْكِتَابِ السَّمَوِيِّ، وَالرُّسُلِ وَمَا وَقَعَ لَهُمْ مِنْ أُمَمِهِمْ، وَبِالْحُورِ الْعِينِ، وَالْوِلْدَانِ، وَالْأَوْلِيَاءِ، وَبِإِسْرَائِهِ ﷺ، وَبِالْمِعْرَاجِ، وَبِأَنَّ الشُّهَدَاءَ أَحْيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ، وَبِشَفَاعَةِ نَبِيِّنَا ﷺ، وَبِعَلَامَاتِ السَّاعَةِ، وَبِتَحْدِيدِ التَّوْبَةِ مِنَ الذُّنُوبِ، وَالرِّضَا بِالْقَضَاءِ وَالْقَدَرِ.



Terjemahan dan Huraian ke atas Matan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قال الشيخ العلامة الإمام أحمد بن محمد بن أحمد الدردير رحمه الله تعالى:

يَجِبُ عَلَى الْمَكْلَفِ مَعْرِفَةُ مَا يَجِبُ لِلَّهِ تَعَالَى وَلِأَنْبِيَائِهِ وَمَلَائِكَتِهِ الْكَرَامِ.

Wajib ke atas¹ setiap mukallaf² mengetahui perkara yang wajib bagi³ Allah⁴, para nabiNya dan malaikatNya⁵ yang mulia.

¹ Kaedah: wajib ke atas / يجب + على = wajib pada hukum syara'.

² Orang yang mukallaf adalah mereka yang mempunyai ciri-ciri tersebut :

- i. Sampai kepadanya seruan dakwah yang benar (islam)
- ii. Berakal
- iii. Baligh
- iv. Sihat pancaindera (pendengaran ATAU penglihatan)

³ Kaedah : wajib bagi / يجب + ل = wajib pada hukum aqal.

- i. Wajib pada aqal: perkara yang tidak menerima penafian selama-lamanya.
- ii. Mustahil pada aqal: perkara yang tidak menerima pensabitan selama-lamanya.
- iii. Harus pada aqal: perkara yang boleh menerima pensabitan dan penafian secara berganti-ganti.

⁴ الله: علم على الذات الواجب الوجود، المستحق للعبادة.

Allah Nama bagi satu dzat yang wajib ada, yang berhak disembah.

Maka dzat yang berhak disembah untuk mestilah mempunyai 2 ciri:

- i. Terkaya daripada segala sesuatu (الإستغناء).
- ii. Segala sesuatu selain-Nya berhajat kepada-Nya (افتقار إليه).

Faedah: Allah merupakan *ism al-a'zham* (الاسم الأعظم) di sisi jumhur. Adapun Imam Nawawi, beliau berpendapat ia adalah *Al-Hayy Al-Qayyum* (الحي القيوم).

⁵ Malaikat: makhluk yang jisimnya dicipta daripada cahaya, berupaya untuk menyerupai bentuk yang lain dengan izin Allah. Seperti malaikat Jibril mendatangi Nabi s.a.w dalam bentuk orang lelaki.

Penting: malaikat tidak berjantina, barangsiapa yang mendakwa malaikat berjantina, maka hukumnya adalah seperti berikut:

- i. Mendakwa malaikat berjantina lelaki : maka dia adalah *fasiq*.
- ii. Mendakwa malaikat berjantina perempuan /khunsa: boleh jatuh **kafir**. Ini berdasarkan firman Allah taala:

﴿وَجَعَلُوا الْمَلَائِكَةَ الَّذِينَ هُمْ عِبْدُ الرَّحْمَنِ إِنثًا أَشْهَدُوا خَلَقَهُمْ سَتُكْتَبُ شَهَدَتُهُمْ وَيُسْأَلُونَ﴾ [الزخروف: 19]

Maknanya: “Dan mereka pula menyifatkan malaikat yang juga merupakan hamba-hamba Allah Yang Maha Pemurah itu sebagai jenis perempuan. Adakah mereka menyaksikan penciptaan malaikat itu? Akan dituliskan kata-kata mereka (yang dusta itu), dan mereka akan dipersoalkan kelak (serta menerima balasannya)”.

فَيَجِبُ لِلَّهِ تَعَالَى عِشْرُونَ صِفَةً، وَهِيَ: الْوُجُودُ، وَالْقَدَمُ، وَالْبَقَاءُ، وَالْمُخَالَفَةُ لِلْحَوَادِثِ، وَالْقِيَامُ
 بِالنَّفْسِ، وَالْوَحْدَانِيَّةُ، وَالْحَيَاةُ، وَالْعِلْمُ، وَالْإِرَادَةُ، وَالْقُدْرَةُ، وَالسَّمْعُ، وَالْبَصَرُ وَالْكَلَامُ، وَكَوْنُهُ تَعَالَى:
 حَيًّا، وَعَلِيمًا، وَمُرِيدًا، وَقَادِرًا، وَسَمِيعًا، وَبَصِيرًا، وَمُتَكَلِّمًا.

Penting: jumlah sebenar keseluruhan malaikat, kita serahkan kepada Allah. Adapun yang beberapa malaikat yang wajib kita imani adalah seperti berikut:

- i. *Jibril*, pembawa wahyu.
- ii. *Mikail*, ditugaskan menguruskan rezeki.
- iii. *Ridhwan*, penjaga syurga
- iv. *Malik*, penjaga neraka, akan dibantu oleh kumpulan malaikat yang bernama *Zabaniyah*
- v. *Munkar* dan;
- vi. *Nakir*, keduanya merupakan penanya soalan dalam kubur.
- vii. *Raqib*, pencatat amalan baik.
- viii. *'Atid*, pencatat amalan buruk, kedua mereka ini dinamakan malaikat *katabah* (كُتِبَ).
- ix. Malaikat maut/ *'Azrail*, ditugaskan mencabut nyawa, ada ramai pembantu.
- x. *Israfil*, peniup sangkakala.
- xi. *Hamalatul 'Arsy*, malaikat yang menanggung *'Arasy* Allah, sekarang ada 4, tatkala mulanya qiamat akan ada 8.
- xii. Malaikat *hafazhoh* (حَفَظَةُ). Mereka adalah malaikat yang menjaga manusia daripada terkena mudharat dengan izin Allah.

Maka wajib bagi Allah itu 20 sifat⁶, iaitu: *wujud*⁷ (ada), *qidam*⁸ (sedia ada), *baqa*⁹ (kekal), *mukhalafatuhi lil hawadis*¹⁰ (tiada persamaan antara Allah dengan

⁶ 20 sifat ini adalah sifat-sifat yang wajib kita iktiqad secara terperinci (تفصيلي). Adapun secara keseluruhan/umum (إجمالي), wajib kita iktiqad bahawa Allah bersifat dengan segala sifat kesempurnaan yang layak bagiNya tanpa ada batas.

Penting: tujuan ulama' memilih 20 sifat ini sebagai silibus pengajian adalah kerana:

- i. 20 sifat ini adalah sifat-sifat induk (أعمات الصفات).
- ii. Dalil semua sifat ini adalah jelas dari sudut aqli dan naqli.
- iii. Tidak ada khilaf dalam kalangan umat Islam keseluruhannya pada menisbahkan sifat-sifat ini kepada Allah, kerana kesemuanya bersandar kepada dalil yang *muhkam* (مُحْكَم).

الوجود: صفة يدل الوصف بها على النفس دون معنى زائد عليها⁷

Wujud: sifat yang menunjukkan kepada diri dzat tersebut / tidak menerima ketiadaan.

Dalil sifat ini:

﴿اللَّهُ خَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ﴾ [الزمر: 62]

Maknanya: “Allah yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dia lah Yang Mentadbir serta menguasai segala-galanya”.

القدم : عدم الأولية للوجود⁸

Qidam / sedia ada: tidak ada permulaan bagi kewujudan Allah.

البقاء: عدم الآخرة للوجود⁹

Baqa / kekal: tiada pengakhiran bagi kewujudan Allah.

Dalil bagi sifat *qidam* dan *baqa*’:

﴿هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ﴾ [الحديد: 3]

Maknanya: “Dia lah Yang Awal (tiada permulaan bagi kewujudanNya) dan Yang Akhir (tiada pengakhiran bagi kewujudanNya)”.

مخالفته تعالى للحوادث: عبارة عن نفي المماثلة بين الله وخلقته¹⁰

Mukhalafatuhi lil hawadis/ bersalahan Allah ta’ala dengan segala yang baharu: menafikan Allah ta’ala mempunyai apa-apa persamaan dengan makhluk.

Dalil bagi sifat ini:

﴿لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ﴾ [الشورى: 11]

Maknanya: “Tiada sesuatu pun yang sebanding denganNya”.

Penting: Dalam kitab *Tījān Al-Darāriy*, Syeikh Nawawi Al-Jawi ada menyenaraikan 10 jenis persamaan induk antara makhluk dan Allah yang **wajib dinafikan, iaitu:**

- i. Bahawasanya Allah itu adalah daripada jenis jirim. Sama ada jirim itu bersusun-susun dan bercantum (*jisim*), ataupun jirim yang tunggal (jirim yang tunggal).
- ii. Bahasawanya Allah itu adalah ‘*aradh* /sifat yang perlu menumpang pada dzat.
- iii. Bahawasanya Allah itu berada pada arah jirim yang lain. Maka Allah tidak berada atas ‘*Arasy*, tidak juga di bawahnya, kanannya, atau pada mana-mana arah yang berbaki.

segala perkara yang baharu), *qiyamuhu binafsihi*¹¹ (berdiri dengan sendiri),
*wahdaniyyah*¹² (esa), *hayat*¹³ (hidup),

-
- iv. Bahawasanya Allah itu sendiri mempunyai arah. Maka tidak ada baginya atas, bawah, depan, belakang, kanan, kiri dan lain-lain.
 - v. Bahawasanya Allah itu bertempat pada mana-mana tempat.
 - vi. Bahawasanya Allah itu berkait dengan masa.
 - vii. Bahawasanya Allah itu diliputi oleh siang dan malam.
 - viii. Bahawasanya dzat Allah itu boleh bersifat dengan sifat-sifat yang baharu.
 - ix. Bahawasanya dzat Allah itu boleh disifati dengan besar atau kecil, dengan makna banyak bahagian/juzuk.
 - x. Bahawasanya Allah berbuat sesuatu dengan mengharapkan manfaat yang kembali kepadaNya.

¹¹ قيامه بنفسه: استغناؤه تعالى عن المحل والمختص

Qiyamuhu binafsih / keberadaan dzat itu dengan sendiri: Allah tidak memerlukan dzat untuk dia menumpang padanya (menafikan Allah itu semata-mata sifat/‘*aradh*), juga tidak memerlukan pencipta untuk menciptaNya.

Dalil sifat ini:

﴿وَاللَّهُ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ﴾ [فاطر: 15]

Maknanya: “Dia lah sahaja Yang Maha Kaya (tidak berhajat langsung kepada selainNya), lagi Maha Terpuji”.

Faedah: berkata Syeikh Sayyid Muhammad ‘Alawi Al-Maliki di dalam kitabnya *Jala’ul Afham*: bahawa sifat ini menafikan 3 perkara: **i)** Allah berhajat kepada tempat **ii)** Allah berhajat kepada dzat lain untuk dia menumpang padanya (menafikan Allah itu sifat) **iii)** Allah berhajat kepada pencipta.

¹² الوحدانية: عدم التعدد في الذات والصفات والأفعال

Wahdaniyyah / esa: tidak berbilang-bilang Allah ta’ala pada dzatNya, sifatNya dan perbuatanNya.

Dalil sifat ini:

﴿قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ﴾ [الإخلاص: 1]

Maknanya: “Katakanlah (wahai Muhammad): (Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa”.

Penting: Perkara yang wajib kita iktiqad pada sifat ini adalah:

- i. Dzat Allah tidak terdiri daripada bahagian-bahagian atau anggota-anggota yang bercantum-cantum.
- ii. Tidak ada dzat lain yang seumpama dengan dzat Allah.
- iii. Tidak berbilang-bilang sifat Allah daripada jenis yang sama, seperti mempunyai 2 sifat *qudrah* atau 2 sifat ilmu.
- iv. Tidak ada sifat yang seumpama dengan sifat-sifat Allah.
- v. Tidak ada perbuatan lain yang seumpama dengan perbuatan Allah, iaitu memberi bekas (الكسب). Adapun perbuatan makhluk hanyalah atas jalan usaha (تأثير / الإيجاد).

¹³ الحياة: صفة أزلية قائمة بذاته تعالى تصحح له أن يتصف بالعلم والإرادة وغيرها من الصفات

Hayat/hidup: sifat yang azali yang tidak bercerai tanggal daripada dzat Allah yang mengesahkan pensifatannya dengan sifat ‘*ilm*, kehendak dan lain-lain.

'ilmu¹⁴ (ilmu), iradah¹⁵ (kehendak), qudrah¹⁶ (kuasa), sama¹⁷ (dengar), basar¹⁸ (lihat), kalam¹⁹ (kata), kaunuhu hayyan (keadaan Allah itu hidup), kaunuhu

Dalil sifat ini:

﴿وَتَوَكَّلْ عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ﴾ [الفرقان: 58]

Maknanya: “Dan berserahlah engkau kepada Allah Tuhan yang hidup, yang tidak mati”.

العلم: صفة أزلية قائمة بذاته تعالى ينكشف بها الموجودات والمعدومات، على ما هي عليه من غير سبق خفاء¹⁴

Ilmu/mengetahui: satu sifat yang azali, yang tidak bercerai tanggal daripada dzat Allah, dengannya Dia menyingkap segala perkara/maklumat dengan tepat tanpa didahului oleh kejahilan.

Dalil sifat ini:

﴿وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ﴾ [البقرة: 29]

Maknanya: “Dan Ia (Allah) Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.

الإرادة: صفة أزلية قائمة بذاته تعالى تخصص كل الممكن ببعض ما يجوز عليه¹⁵

Iradah/kehendak: satu sifat yang azali, yang tidak bercerai tanggal daripada dzat Allah, yang menentukan setiap *mumkin* dengan apa yang harus baginya.

Dalil sifat ini:

﴿فَعَالٌ لِّمَا يُرِيدُ﴾ [البروج: 16]

Maknanya: “Yang berkuasa melakukan segala yang dikehendakiNya”.

القدرة: صفة أزلية قائمة بذاته تعالى، يتأتى بها إيجاد كل الممكن وإعدامه على وفق العلم والإرادة¹⁶

Qudrah/kuasa: satu sifat yang azali, yang tidak bercerai tanggal daripada dzat Allah, dengannya Allah meng-ada-kan setiap perkara yang *mumkin* dan me-niada-kannya, bertepatan dengan ilmu dan kehendakNya.

Dalil sifat ini:

﴿إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ﴾ [البقرة: 20]

Maknanya: “sesungguhnya Allah berkuasa atas tiap-tiap sesuatu”.

السمع: صفة أزلية قائمة بذاته تعالى، تتعلق بالمسموعات تعلق انكشاف¹⁷

Sama'/dengar: satu sifat yang azali, yang tidak bercerai tanggal daripada dzat Allah, dengannya Allah mendengar segala perkara wujud.

البصر: صفة أزلية قائمة بذاته تعالى، تتعلق بالمبصرات تعلق انكشاف¹⁸

Basor/lihat: satu sifat yang azali, yang tidak bercerai tanggal daripada dzat Allah, dengannya Allah melihat segala perkara wujud.

Dalil bagi sifat sama' dan basor:

﴿وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ﴾ [الشورى: 11]

Maknanya: “Dan Dialah yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat”.

الكلام: صفة أزلية نفسية، ليست بحرف ولا صوت، تدل على جميع المعلومات¹⁹

'*aliman* (keadaan Allah itu mengetahui), *kaunuhu muridan* (keadaan Allah itu berkehendak), *kaunuhu qadiran* (keadaan Allah itu berkuasa), *kaunuhu sami'an* (keadaan Allah itu mendengar), *kaunuhu basiran* (keadaan Allah itu melihat), dan *kaunuhu mutakalliman* (keadaan Allah itu berkalam).

فَهَذِهِ عِشْرُونَ صِفَةً: الْأُولَى نَفْسِيَّةٌ، وَالْخُمْسَةُ بَعْدَهَا سَلْبِيَّةٌ، وَالسَّبْعَةُ بَعْدَهَا صِفَاتُ مَعَانٍ، وَالَّتِي بَعْدَهَا مَعْنَوِيَّةٌ.

Maka kesemua 20 sifat ini, yang pertama (sifat *wujud*) adalah (dinamakan) sifat *nafsiyyah*²⁰, 5 yang selepasnya (sifat *qidam*, *baqa'*, *mukhalafatuhu lil hawadis*, *qiyamuhu binafsihi*, *wahdaniyyah*) adalah (dinamakan) sifat *salbiyyah*²¹, 7 yang selepasnya (sifat *hayat*, '*ilmu*, *iradah*, *qudrah*, *sama'*, *basar*, *kalam*) adalah (dinamakan) sifat *ma'ani*²² dan (baki) yang selepasnya (sifat-sifat yang dimulakan dengan *kaunuhu*) adalah (dinamakan) sifat *ma'nawiyyah*²³.

فَهُوَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى: وَاجِبُ الوجودِ، قَدِيمٌ بَاقٍ، مُخَالِفٌ فِي ذَاتِهِ لِجَمِيعِ الْخَلَائِقِ، فَلَيْسَ بِجِسْمٍ، وَلَا عَرَضٍ، وَلَا يَتَّصِفُ بِالْمَكَانِ، وَلَا بِالزَّمَانِ، وَلَا بِالْيَمِينِ، وَلَا بِالشِّمَالِ، وَلَا بِالْخَلْفِ، وَلَا بِالْأَمَامِ

Kalam/berkata: satu sifat yang azali, yang tidak bercerai tanggal daripada dzat Allah, yang bukan dengan huruf atau suara, yang menunjukkan kepada segala maklumat.

Dalil sifat ini:

﴿وَكَلَّمَ اللَّهُ مُوسَى تَكْلِيمًا﴾ [النساء: 164]

Maknanya: "Dan telah berkata-kata oleh Allah kepada Nabi Musa a.s."

²⁰ Kerana ia semata-mata menunjukkan kepada dzat.

²¹ *Salbiyyah* bermakna: menafikan. Kerana ia menafikan perkara yang tidak layak bagi Allah.

²² *Sifat Ma'ani* adalah sifat yang *wujudi*, boleh dilihat oleh orang beriman di dalam syurga kelak, di samping melihat dzat Allah. Melihat Allah merupakan nikmat yang paling besar dan agung.

²³ *Sifat Ma'nawiyyah* merupakan kelazaiman daripada sifat *ma'ani*. Contoh: sifat *qudrah* (kuasa) melazimkan *kaunuhu qadiran* (keadaan Allah yang berkuasa).

Maka Dialah (Allah subhanahu wa taala) yang wajib ada, *qadim*²⁴ lagi kekal, berbeza dzatnya daripada sebarang persamaan dengan segala makhluk, maka Allah itu bukanlah daripada jenis jirim²⁵ atau '*aradh*²⁶. Maka Allah juga tidaklah bertempat, tidak dilingkungi masa, tidak berada pada arah kanan, tidak berada pada arah kiri, tidak berada pada arah belakang, tidak berada pada arah depan.

الْقَائِمُ بِنَفْسِهِ، وَاحِدٌ فِي ذَاتِهِ وَصِفَاتِهِ وَأَفْعَالِهِ. حَيٌّ، عَلِيمٌ بِكُلِّ شَيْءٍ مَا كَانَ، وَمَا يَكُونُ، وَمَا لَمْ يَكُنْ. مُرِيدٌ لِكُلِّ شَيْءٍ جَرَى وَبَرَزَ مِنَ الْعَوَالِمِ وَمَا لَمْ يَكُنْ مِنْهَا. قَادِرٌ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ مِنَ الْمُمْكِنَاتِ وَعَلَى إِعْدَامِهَا، لَا يُشَارِكُهُ فِي ذَلِكَ مُشَارِكٌ. سَمِيعٌ لِكُلِّ مَوْجُودٍ، وَمُبْصِرٌ. مُتَكَلِّمٌ بِكَلَامٍ أَرْزِي مَنَزَّةً عَنِ الصَّوْتِ وَالْحَرْفِ.

Dia berdiri dengan sendiriNya, esa pada dzatNya, sifat-sifatNya dan segala perbuatanNya. Allah itu adalah dzat yang hidup, Maha Mengetahui dengan setiap sesuatu yang telah berlaku, sedang berlaku dan yang masih belum berlaku (akan berlaku). Allah Maha Berkehendak dengan setiap sesuatu yang berlaku dan telah zahir pada alam²⁷ ini, begitu juga (Allah berkehendak) dengan perkara yang tidak berlaku. Allah Maha Berkuasa menciptakan segala perkara yang *mumkin*²⁸ dan berkuasa meniadakannya²⁹, Allah tidak berkongsi kemampuan itu

²⁴*Qadim*: dzat yang tiada permulaan bagi wujudnya / dzat yang bersifat dengan qidam.

²⁵*Jirim*/الجرم: perkara baharu yang boleh terzahir kewujudannya tanpa perlu menumpang pada benda yang lain. Contoh: baju, kereta.

²⁶*'Aradh*/العرض: perkara baharu yang perlu menumpang/berada pada benda lain untuk terzahir kewujudannya. Contoh: warna hijau pada daun, bulat pada tayar.

²⁷Yang dimaksudkan dengan alam di sini adalah: segala perkara selain daripada Allah.

²⁸*Mumkin*/ *mumkinat*: secara umum bermaksud: makhluk. Lebih tepat penggunaannya adalah untuk segala perkara yang sah pensabitan dan penafiannya berganti-ganti.

²⁹Ini adalah merujuk kepada sifat yang **harus** bagi Allah, iaitu meng-ada-kan perkara yang *mumkin* dan me-niada-kannya.

dengan seorang pun³⁰. Allah Maha Mendengar dan Melihat segala perkara yang wujud. Allah taala itu ber*kalam* dengan *kalam* azali yang suci daripada suara dan huruf.

³⁰ **Penting:** *khususiyyat ilahiyyah* ada Tiga: **i)** berhak disembah. **ii)** boleh menciptakan sesuatu daripada ketiadaan. **iii)** kebebasan *mutlaq* untuk berbuat mengikut kehendaknya. Barangsiapa yang menyandarkan salah satu daripada *khususiyyat* ini kepada selain Allah, maka dia telah berbuat kesyirikan.

وَيَجِبُ لِلْأَنْبِيَاءِ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ الْعِصْمَةُ، فَلَا يَقَعُ مِنْهُمْ مُخَالَفَةُ اللَّهِ فِي أَمْرِهِ وَنَهْيِهِ، وَكَذَلِكَ الْمَلَائِكَةُ.

Wajib bagi para nabi -selawat dan salam kepada mereka kesemuanya- itu *maksum*³¹, maka mereka tidak akan melakukan perkara yang bercanggah dengan perintah atau larangan Allah, begitu juga dengan para malaikat.

وَيَجِبُ لِلرُّسُلِ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ تَبْلِيغُ مَا أُمِرُوا بِتَبْلِيغِهِ لِلْخَلْقِ مِنَ الْأَحْكَامِ وَغَيْرِهَا، كَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَا فِيهِ: مِنَ الْحِسَابِ، وَالْعِقَابِ، وَالصِّرَاطِ، وَالْمِيزَانِ، وَالْجَنَّةِ، وَالنَّارِ،

Wajib bagi para rasul³² -selawat dan salam ke atas mereka kesemuanya- menyampaikan apa yang telah diperintahkan oleh Allah untuk

³¹ الأمانة/العصمة : حفظ الله تعالى بواطنهم وظواهرهم من التلبس بمنهي عنه ولو نهي كراهة، ولو حال الطفولية

Amanah/maksum: Allah menjaga batin dan zahir para nabi daripada melakukan perkara yang dilarang, walaupun makruh, walaupun ketika kanak-kanak (sebelum menjadi nabi).

Penting: Adapun sekiranya ada mana-mana nas atau riwayat yang menunjukkan bahawa para nabi ada melakukan perkara yang pada zahirnya adalah dosa, maka ia wajib ditakwil.

Faedah: hanya nabi dan para malaikat sahaja yang maksum, adapun para ulama' dan wali, maka disebut kepada mereka itu sebagai *mahfuz* (محفوظ), iaitu dijaga oleh Allah daripada melakukan dosa dalam keadaan ada kemungkinan mereka melakukan dosa, dan sekiranya mereka melakukan dosa, maka Allah akan memberi taufiq kepada mereka agar mereka segera bertaubat. Beginilah yang disebut oleh guru kami.

³² النبي: إنسان ذكر، حر، أوحى إليه بالشرع، سواء أمر بتبليغها أو لا، فإن أمر بتبليغها فرسول

Nabi: manusia lelaki yang merdeka, yang diwahyukan oleh Allah kepadanya dengan syariat, sama ada diperintahkan untuk menyampaikannya atau tidak.

Jika diperintahkan untuk menyampaikannya, maka ia adalah rasul.

Penting: jumlah sebenar nabi dan rasul wajar kita serahkan kepada Allah. Adapun yang wajib kita imani secara terperinci ada 25 orang:

Nabi Adam, Idris, Nuh, Hud, Soleh, Ibrahim, Lut, Ismail, Ishaq, Ya'kub, Yusuf, Ayub, Syu'aib, Musa, Harun, Zulkifli, Daud, Sulaiman, Ilyas, Ilyasa', Yunus, Zakaria, Yahya, Isa dan Muhammad s.a.w.

menyampaiannya³³, kepada makhluk tentang hukum-hakam dan selainnya, seperti Hari Akhirat³⁴ dan apa yang ada di dalamnya, daripada *hisab*³⁵

³³ التبليغ: إيصال ما أمروا بتبليغها إلى المرسل إليهم

Tabligh/ menyampaikan: menyampaikan apa yang diperintahkan oleh Allah untuk disampaikan kepada umat nabi tersebut.

Maka difahami di sini bahawa perkara yang diwahyukan kepada para nabi itu ada 3 jenis:

- i. Perkara yang wajib disampaikan. Umpama syariat yang telah sampai kepada kita.
- ii. Perkara yang diberi pilih untuk disampaikan atau tidak. Umpama senarai nama orang munafiq yang hanya diberitahu kepada saidina Huzaifah Al-Yamani.
- iii. Perkara yang haram disampaikan. Berupa ilmu-ilmu yang berkait dengan ketuhanan yang khusus bagi para nabi sahaja.

Penting: semua perkara yang dikhabarkan oleh nabi dan rasul adalah benar belaka, oleh itu mereka juga wajib bersifat:

- i. الصدق: مطابقة الخبر بالواقع

Sidq/ Benar: bertepatan khabar yang disampaikan itu dengan realiti.

Dan untuk menyampaikan dakwah mereka, maka wajib mereka bersifat dengan:

- ii. الفطنة: التيقظ لإلزام الخصوم وإبطال دعاويهم الباطلة

Fathonah/ cerdik: kecerdasan aqal untuk mematahkan hujjah lawan dan menafikan dakwaan batil dan kesesatan mereka.

Penting: para nabi dan rasul harus bersifat dengan apa-apa sifat kemanusiaan selama mana ia tidak meruntuhkan darjat atau maruah mereka seperti makan, minum, tidur, sakit. Tidak harus bagi mereka bersifat dengan: gila, terkena penyakit yang berjangkit atau menjijikkan (sekiranya menyebabkan manusia tidak mahu dekat dengan mereka).

³⁴ Iaitu hari kiamat. Dinamakan hari akhirat kerana ia adalah hari terakhir dunia. Bermulanya hari kiamat itu pada hari perhimpunan (الحشر) sehingga tiada pengakhiran.

³⁵ الحساب: توقيف الله تعالى عباده في المحشر على أعمالهم فعلا، أو قولا، أو اعتقادا تفصيلا

Hisab/perhitungan: Allah memberitahu/menunjukkan terhadap hamba-hambaNya di padang mahsyar tentang amalan-amalan mereka, sama ada perbuatan, kata-kata atau perbuatan hati mereka secara terperinci.

Keadaan setiap orang adalah berbeza ketika dihisab, mengikut kadar amalan mereka. Sebahagian dimudahkan oleh Allah, sebahagiannya disusahkan oleh Allah. Sebahagiannya masuk ke dalam syurga atau neraka tanpa hisab.

Faedah: para nabi dan rasul tidak dihisab. Disebutkan dalam satu hadis bahawa ada 70 ribu golongan daripada kalangan umat nabi Muhammad s.a.w yang akan masuk syurga tanpa hisab.

(perhitungan amalan), azab Allah³⁶, titian *sirot*³⁷, *mizan*³⁸ (timbangan amalan), syurga³⁹ dan neraka⁴⁰.

وَبِالْعَرْشِ، وَبِالْكُرْسِيِّ، وَبِالْكِتَابِ السَّمَوِيِّ، وَالرُّسُلِ وَمَا وَقَعَ لَهُمْ مِنْ أُمَمِهِمْ، وَبِالْحُورِ الْعِينِ، وَالْوَلَدَانِ،
وَالْأَوْلِيَاءِ،

Dan wajiblah beriman dengan (adanya) 'Arash⁴¹, Kursi⁴², kitab-kitab *samawi*⁴³, tentang adanya rasul-rasul yang terdahulu dan cabaran yang mereka

³⁶Sama ada di alam barzakh atau di neraka kelak.

³⁷الصراط: جسر ممدود على متن جهنم بين الموقف والجنة، لأن جهنم بينهما، ترده المؤمنون والكفار للمرور عليه إلى الجنة

Titian *sirot*: satu jambatan yang dibentangkan atas neraka antara tempat perhimpunan dan syurga, kerana neraka itu berada antara keduanya. Orang yang beriman dan kafir pergi kepadanya untuk melintasinya agar masuk ke syurga.

Mereka yang berjaya melaluinya akan masuk ke dalam syurga, manakala mereka yang tidak berjaya, akan jatuh ke dalam neraka.

³⁸ *Mizan* / timbangan amalan, berlaku selepas hisab dan sebelum melalui titian *sirot*. Hanya ada satu *mizan* untuk menimbang amalan keseluruhan manusia. Bentuknya seperti dacing.

³⁹ Syurga: tempat ganjaran kebaikan di akhirat.

Faedah: nama bagi 7 syurga: **i)** *Jannat Al-Firdaus*/جنة الفردوس syurga yang paling tinggi dan terbaik, di atasnya adalah 'Arasy Allah. **ii)** *Jannat Al-Ma'wa* /جنة المأوى **iii)** *Jannat Al-Khuld* /جنة الخلد **iv)** *Jannat Na'im* /Al-جنة النعيم **v)** *Jannatu 'Adn*/جنة عدن **vi)** *Dar Al-Salam* /دار السلام **vii)** *Dar Al-Jalal*/دار الجلال

⁴⁰ Neraka: tempat balasan kejahatan di akhirat. Orang kafir akan kekal selama-lamanya dalam neraka. Adapun sebahagian orang beriman, akan diazab dalam neraka mengikut kadar dosa mereka.

Faedah: nama bagi 7 neraka: **i)** *Jahannam*/جَهَنَّمَ, hanya neraka ini yang akan menempatkan orang yang beriman. Akan dihancurkan setelah semua orang beriman keluar daripadanya. **ii)** *Lazho*/لظى **iii)** *Hutomah* /حطمة **iv)** *Sa'ir*/سَعِير **v)** *Saqar*/سَقَر **vi)** *Jahim*/جَحِيم **vii)** *Hawiyah*/الهاوية

Penting: Ahli sunnah wal jamaah sepakat bahawa syurga dan neraka telah wujud sekarang.

⁴¹العرش: جسم عظيم نوراني وعلوي

A'rash: jisim yang besar, bercahaya dan berada pada arah atas.

⁴²الكرسي: جسم عظيم نوراني تحت العرش ملتصق به فوق الساء السابعة، بينه وبينها مسيرة خمسمائة عام

Kursiy: jisim yang besar, bercahaya yang berada di bawah 'Arasy atas langit yang ketujuh, jarak antara *kursiy* dan 'Arasy itu adalah 500 tahun. Ini yang disebut oleh Ibn Abbas r.a.

⁴³ Iaitu kitab: **i)** Taurat kepada Nabi Musa a.s **ii)** kitab Zabur kepada Nabi Daud a.s **iii)** kitab Injil kepada Nabi Isa a.s **iv)** Al-Quran kepada nabi Muhammad s.a.w, juga wajib iktiqad adanya: **v)** suhuf kepada nabi Ibrahim a.s **vi)** suhuf kepada nabi Musa a.s .

hadapi daripada umat mereka⁴⁴. Wajiblah kita beriman dengan adanya bidadari syurga⁴⁵, *wildan*⁴⁶ dan wali-wali Allah⁴⁷.

وَبِإِسْرَائِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَبِالْمِعْرَاجِ، وَبِأَنَّ الشُّهَدَاءَ أَحْيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ، وَبِشَفَاعَةِ نَبِيِّنَا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَبِعَلَامَاتِ السَّاعَةِ، وَتَجْدِيدِ التَّوْبَةِ مِنَ الذُّنُوبِ، وَالرِّضَا بِالْقَضَاءِ وَالْقَدَرِ.

Wajib (juga) kita beriman dengan peristiwa *Isra*⁴⁸ dan *Mikraj*⁴⁹ Nabi Muhammad s.a.w. Dan bahawasanya para *syuhada'* itu hidup di sisi Tuhan mereka dan diberi

⁴⁴ Iaitu kisah-kisah nabi terdahulu yang disebut dalam Al-Quran dan hadith. Umpama kisah Nabi Adam, Nabi Nuh, Nabi Musa dan lain-lain.

⁴⁵ bidadari: perempuan-perempuan di dalam syurga yang diciptakan secara langsung oleh Allah.

⁴⁶ *Wildan*: petugas dalam syurga dalam rupa kanak-kanak, pada melihatnya itu ada kegembiraan dan keseronokan. Dikatakan: diciptakan secara khusus oleh Allah. Pendapat yang lain menyebut bahawa: mereka adalah anak-anak orang kafir yang mati sebelum baligh.

⁴⁷ الأولياء: جمع ولي، هو العارف بالله وبصفاته حسب الإمكان، المواظب على الطاعات، المجتنب للمخالفات، المعرض عن الإغتهام في اللذات والشهوات

Wali: mereka adalah orang yang betul-betul mengenal Allah dan sifat-sifatNya, melazimi melakukan ketaatan, menjauhi larangan Allah, berpaling daripada menikmati kesedapan dunia (walaupun halal dan harus).

⁴⁸ *Isra'*: perjalanan malam nabi Muhammad s.a.w dari Mekah ke Baitul Maqdis dengan menaiki Buraq, dalam keadaan malaikat Jibril berada pada belah kanan Nabi s.a.w dan malaikat Mikail pada belah kiri Baginda s.a.w.

Faedah: *buraq*/براق adalah sejenis binatang tunggangan berwarna putih, tinggi lebih daripada keldai, tetapi rendah sedikit daripada baghal, sekali sahaja dia melangkah, maka akan pergi sejauh mata memandang.

Penting: barangsiapa yang mengingkari peristiwa *Isra'*, maka dia telah kafir kerana mengingkari apa yang telah disebutkan dengan jelas dalam Al-Quran.

⁴⁹ *Mi'raj*: iaitu peristiwa Nabi s.a.w naik ke langit ketujuh hingga sampai ke tempat munajat Baginda s.a.w di *sidratul muntaha*.

Penting: peristiwa *mi'raj* wajib diimani, barangsiapa yang mengingkari berlakunya peristiwa ini, maka dihukum sebagai fasiq. Sebahagian ulama' berpendapat: jatuh kafir.

rezeki⁵⁰. Wajib kita beriman dengan adanya *syafaat*⁵¹ daripada nabi kita Muhammad s.a.w, dengan akan timbulnya tanda-tanda kiamat⁵², juga dengan

⁵⁰ Perkara ini jelas sabit dalam Al-Quran. Firman Allah s.w.t dalam surah Al-Baqarah ayat 169:

﴿وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ﴾ [البقرة: 169]

Maknanya: “Janganlah kamu menyangka mereka yang terbunuh (mati syahid) di jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka hidup (secara istimewa) di sisi Tuhan mereka dan mendapat rezeki”

⁵¹ *Syafaat*: (Nabi s.a.w) meminta kebaikan daripada satu pihak (Allah) kepada pihak yang lain (kita). Adapun jika dinisbahkan syafaat kepada Allah, maka ia bermaksud keampunan Allah. Wajib kita beriman bahawa Nabi Muhammad s.a.w akan boleh memberi syafaat di hari akhirat kelak.

Faedah: beberapa jenis syafaat Nabi Muhammad s.a.w di akhirat kelak:

- i. Syafaat yang agung/ شفاعة العظمى : merupakan syafaat yang khusus kepada Nabi Muhammad s.a.w, iaitu syafaat kepada seluruh umat manusia supaya dimulakan proses *hisab*. Ini adalah syafaat yang pertama yang diizinkan oleh Allah s.w.t. dan Nabi Muhammad s.a.w merupakan nabi pertama yang diizinkan memberi syafaat.
- ii. Syafaat yang membolehkan umatnya masuk ke dalam syurga tanpa hisab. Berkata Imam Nawawi, ini juga adalah khusus bagi Nabi Muhammad s.a.w.
- iii. Syafaat yang menyelamatkan orang yang sepatutnya dimasukkan ke dalam neraka, tidak dimasukkan ke dalamnya.
- iv. Syafaat pada mengeluarkan umatnya dari neraka. Syafaat ini juga ada pada malaikat, nabi-nabi yang lain serta orang soleh beriman.
- v. Syafaat supaya dinaikkan darjat dalam syurga. Ini juga adalah khusus bagi Baginda s.a.w menurut Imam Nawawi.
- vi. Syafaat pada meringankan azab mereka yang kekal dalam neraka, seperti Abu Talib, bapa saudara yang melindungi Baginda s.a.w.

⁵² Iaitu 5 tanda kiamat yang disepakati

- i. Keluarnya Dajjal.
- ii. Turunnya Nabi Isa a.s.
- iii. Keluarnya *yakjuj* dan *makjuj*.
- iv. Keluarnya *dabbah* yang bercakap-cakap dengan manusia di akhir zaman.

Terbitnya matahari dari Barat.

kewajipan memperbaharui taubat daripada dosa-dosa⁵³. Wajib juga kita redha dengan *qadha*⁵⁴ dan *qadar*⁵⁵.



الحمد لله الذي بنعمته تتم الصالحات

Telah selesai terjemahan dan catatan, moga-moga ditulis sebagai amalan soleh keranaNya

آمين



⁵³ Taubat: kembali kepada Allah setelah melakukan dosa.

Penting: Rukun taubat:

- i. Menyesal dengan dosa tersebut
- ii. Berazam agar tidak mengulangi dosa itu.
- iii. Tinggalkan dosa itu secara keseluruhan.
- iv. Kembalikan dan tunaikan hak anak adam (sekiranya berkait dengan orang lain).

Faedah: pada pendapat penterjemah, Imam Dardir memilih untuk meletakkan beriman dengan kewajipan bertaubat adalah untuk mengisytarkan beberapa perkara:

- i. Ini adalah isyarat bahawa *tasawuf* yang hakiki itu mestilah didasari dengan ilmu tauhid/aqidah yang benar.
- ii. Bahawa setiap ketaatan/ibadah yang **wajib** itu ada dua kewajipan yang perlu kita tunaikan; **i)** wajib berikhtiqad bahawa perkara itu adalah wajib, **ii)** wajib melakukan ibadah itu. Contoh: wajib menunaikan solat 5 waktu dan wajib beriman dengan kewajibannya. Mengingkari kewajipan akan mengakibatkan kekufuran, adapun tidak menunaikan kewajipan adalah dosa besar. Begitu juga kewajipan taubat.
- iii. Taubat adalah langkah pertama untuk menuju kepada Allah, serta untuk mendidik dan melawan nafsu.

⁵⁴ القضاء: إرادة الله المتعلقة بالأشياء أزلاً

Qadha': kehendak Allah s.w.t terhadap segala sesuatu sejak azali.

⁵⁵ القدر: إيجاد الله الأشياء على قدرٍ مخصوص، ووجه معين أرادته تعالى

Qadar: Allah s.w.t melaksanakan apa yang Dia inginkanNya (sejak azali) dengan kadar yang khusus dan rupa yang tertentu.

Faedah: digunakan juga perkataan *qada*' dan *qadar* ini sekaligus dengan makna: Allah menciptakan segala sesuatu itu bertepatan dengan kehendak dan ilmuNya sejak azali.

PETA MINDA BEBERAPA PERBAHASAN AQIDAH

MENGHAYATI SIFAT 20 DALAM 2 KALIMAH SYAHADAH

(كيفية الاندراج)


أشهد أن لا إله إلا الله، وأشهد أن محمداً رسول الله

“Aku bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah, dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad s.a.w adalah utusan Allah”

Tafsiran kalimah لا إله إلا الله:

"لا معبود بحق في الوجود إلا الله"

“Tiada yang berhak disembah melainkan Allah”




SIFAT YANG HARUS BAGI ALLAH:

فعل شيء من الممكنات أو تركه

“MELAKUKAN ATAU TIDAK MELAKUKAN APA-APA
YANG MUMKIN”

*Sifat mustahil bagi Allah: segala lawan bagi sifat yang wajib bagi Allah

SIFAT YANG WAJIB BAGI PARA NABI DAN RASUL




SIFAT YANG HARUS BAGI NABI:

الإتصاف بصفة بشرية التي لا تؤدي إلى نقص ودناءة

“BERSIFAT DENGAN APA-APA SIFAT MANUSIA YANG TIDAK
MERENDAHKAN MARTABAT KENABIAN”


*Sifat mustahil bagi para nabi dan rasul: segala lawan bagi sifat yang wajib bagi mereka

PEMBAHAGIAN SIFAT BERDASARKAN MADLUL




- مدلول الصفة النفسية: الذات نفسها/ أمر إعتباري
- مدلول الصفات السلبية: أمور عدمية
- مدلول الصفات المعاني: أمور وجودية
- مدلول الصفات المعنوية: الحال/ أمور إعتبارية


RINGKASAN SIFAT MA'ANI DAN PEMBAHAGIANNYA




SIFAT ILMU




SIFAT IRADAH/ KEHENDAK




SIFAT QUDRAH/ KUASA





SIFAT DENGAR



SIFAT LIHAT



SIFAT KALAM



SENARAI RUJUKAN:

- Al-Bajūrī, Burhān al-Dīn Ibrāhīm. *Hāshiyat al-Imām al-Bījūrī ‘alā Jawharat al-Tawhīd, al-musamma: Tuhfat al-Murīd*. Ditahqiq oleh: Dr. ‘Alī Jum‘ah. Cairo: Dār al-Salām, 2015.
- Al-Bantanī, Muḥammad Nawawī ibn ‘Umar al-Jāwī. *Nūr al-Zalām: sharḥ ‘Aqīdat al-‘Awām*. Ditahqiq oleh Ḥassān ibn Maḥmūd al-Ma‘rāwī. Beirut: Dār al-Ḥāwī, 2023.
- Al-Bantanī, Muḥammad Nawawī ibn ‘Umar al-Jāwī. *Sharḥ Tījān al-Darārī ‘alā Risālat al Tawhīd al-Bājūrī*. Ditahqiq oleh: Ibn Ḥarjū al-Jāwī. Jakarta: Maktabat al-Turmusī li Al-Turāth, 2022.
- Al-Dardīr, Abū al-Barakāt Aḥmad ibn Muḥammad ibn Aḥmad al-‘Adawī al-Mālikī. *Sharḥ al Kharīdah al-Bahiyyah*. Ditahqiq oleh: Muṣṭafā Abū Zayd. Kaherah: Dār al-Imām Mālik, 2016.
- Al-Mālikī al-Ḥasanī, Muḥammad ibn ‘Alawī. *Jalā’ al-Afhām: sharḥ ‘Aqīdat al ‘Awām*. Ditahqiq oleh: Aḥmad ibn Muḥammad ibn ‘Alawī al-Mālikī al-Ḥasanī. Beirut: Dār al-Ḥāwī, 2019.
- Al-Ṣāwī, Aḥmad ibn Muḥammad al-Mālikī. *Sharḥ al-Ṣāwī ‘alā Jawharat al-Tawhīd*. Ditahqiq oleh: ‘Abd al-Fattāḥ al-Bazm. Beirut: Dār Ibn Kathīr, 2019.
- Dr. Sa‘īd Fūdah,. *Tahdhīb Sharḥ al-Sanūsiyyah*. Amman: Dār al-Nūr al-Mubīn, 2016.
- Muṣṭafā ibn Aḥmad al-‘Uqbāwī. *Hāshiyat al-‘Uqbāwī ‘alā Sharḥ ‘Aqīdat al-Dardīr*. Mesir: Maṭba‘at Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa-Awlāduhu, 1368/1949.
- ‘Ulaish, Muḥammad al-Mālikī. *Taqrīb al-‘Aqā’id al-Sunniyyah bi Adillah al-Qur’āniyyah*. Ditahqiq oleh: Walīd ibn Miṣbāḥ al-Ṭāhir ‘Aqrabī. Tunisia: Jam‘iyyat Dār al-Ḥadīth al-Zaytūniyyah, 2014.

منز

Al-'Aqidah Al-Tauhidiyyah

Terjemahan dan Huraian

Matan Aqidah Tauhidiyyah

eISBN 978-967-2771-53-1



Kulliyyah of Languages and Management
(online)